

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai jumlah perlarian Rohingya yang mendapat perlindungan UNHCR menetap di Malaysia dan berapa lamakah mereka dibenarkan menetap di sini.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada laporan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) di Kuala Lumpur sehingga 31 Januari 2015, terdapat seramai 43,541 orang pelarian dan pemohon suaka dari etnik Rohingya Myanmar telah berada di negara ini.

Kerajaan tidak mengiktirafkan status pelarian dan pemohon suaka memandangkan Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967. Walau bagaimanapun, Kerajaan atas dasar kemanusiaan membenarkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad UNHCR tinggal sementara di negara ini sehingga dihantar pulang ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga. Dasar sedia ada ini juga terpakai kepada PATI etnik Rohingya dari Myanmar yang memegang kad UNHCR yang sah.

Pihak UNHCR sebagai badan yang menentukan dan memberikan status kad UNHCR kepada PATI ini bertanggungjawab untuk menjaga sara hidup harian, tempat perlindungan, kebajikan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Kerajaan sentiasa menggesa pejabat UNHCR di Kuala Lumpur untuk mempercepatkan proses penghantaran pulang PATI yang memegang kad UNHCR termasuk Rohingya ke negara asal atau dihantar ke negara ketiga khususnya dalam kalangan 147 negara yang menjadi

Negara Pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN (28)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 31 MAC 2015
[SELASA]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:-

- (a) adakah terdapat kajian mengenai keperluan skim sewaan rumah bagi golongan warga emas atau pesara di kawasan bandar besar yang enggan untuk tinggal bersama anak-anak atau pun warga emas memilih untuk tinggal bersendirian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan model rumah sewaan yang memenuhi keperluan minimum warga tua.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Pelan Tindakan Dasar Perumahan Negara (DRN) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memberi tumpuan kepada ciri reka bentuk sejagat (*universal design*) bagi keperluan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas (*ageing population*). Rumah sewaan untuk warga tua boleh diusahakan oleh pihak swasta dan orang perseorangan berdasarkan kepada permintaan pasaran.

- b) Pihak Kerajaan tiada cadangan untuk membina rumah khusus untuk golongan tersebut kerana mereka boleh memohon untuk mendiami Projek Perumahan Rakyat (PPR) Yang Disewa sekiranya berkelayakan. Pengisian PPR juga memperuntukkan 10% daripada unit atau lebih untuk ibu tunggal dan OKU.